



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 8 TAHUN 2022

PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) : BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN UNIVERSITI (PU)

Pejabat Bendahari

9 Ogos 2022

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (13)

9 Ogos 2022

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 8/2022

PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) : BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN UNIVERSITI (PU)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Pindaan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang diterimapakai di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Zon Kewangan Universiti telah mula diwujudkan pada 2017 melibatkan sebahagian Pusat Tanggungjawab (PTj) di UTeM dan seterusnya telah dilaksanakan sepenuhnya bermula Jun 2021.
- 2.2 Hasrat pelaksanaan Zon Kewangan Universiti sepenuhnya adalah untuk mengambil alih sepenuhnya proses-proses kewangan yang sebelum ini diuruskan oleh pentadbiran PTj.
- 2.3 Salah satu proses kewangan yang telah dipindahkan adalah proses perolehan melalui Sebut Harga Bekalan dan Perkhidmatan RM20,000.00 sehingga RM50,000.00.
- 2.4 Selaras dengan kewujudan Zon Kewangan Universiti, proses ini telah dipindahkan ke Zon Kewangan Universiti kecuali bagi Sebut Harga Bekalan dan Perkhidmatan Penyelidikan masih lagi diuruskan oleh Pentadbiran CRIM.

3.0 PINDAAN

3.1 Berikut adalah pindaan dalam PKPU Bab B Kaedah Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Universiti Para 2.2.8 (iv) seperti yang diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil. 11/2022:

3.1.1 Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti;

Bil.	Bab	Pindaan	Para
1.	Bab B	Kaedah Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan Universiti	2.2.8 (iv) - Urus setia Jawatankuasa Sebut Harga Bekalan Dan Perkhidmatan PTj (Khas Untuk Geran Penyelidikan)

3.1.2 Jawatankuasa Sebut Harga Bekalan Dan Perkhidmatan PTj (Khas Untuk Geran Penyelidikan) adalah terdiri daripada:

Pengerusi	Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (CRIM).
Pengerusi Ganti/Ahli	Pengerusi Ganti Yang Dinamakan Oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (CRIM).
Ahli Jawatankuasa	3 orang atau lebih Ahli Jawatankuasa dari Pengurus Pusat Kecemerlangan Universiti (COE) dan Kumpulan Penyelidik.
Urus setia	Zon Kewangan

4.0 PEMAKAIAN

4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

- 4.2 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utem.edu.my/index.php/>

Sekian, harap maklum.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

AFK/pindaanPKPUMHK/2022